

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kos yang terlibat dan cara pembayaran dalam pertambahan lorong lebuh raya:-

- (a) PLUS dari Seremban hingga ke Ayer Keroh dan dari Rawang ke Slim River bagi Fasa 1; dan
- (b) PLUS-NKVE dari Jalan Duta hingga ke Shah Alam dan dari Nilai ke Seremban bagi Fasa 2.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos keseluruhan untuk projek menaik taraf Lebuhraya Utara Selatan, iaitu skop pembinaan lorong ketiga PLUS melibatkan Seremban – Ayer Keroh; Rawang – Slim River, dan membina laluan terus tanpa henti di Jelapang, Perak) ialah sebanyak RM1.04 bilion. Projek ini telah disiapkan pada tahun 2011. Daripada kos RM1.04 bilion itu, Kerajaan menanggung kos pembinaan sebanyak RM680.5 juta dan baki sebanyak RM361.9 juta lagi telah di'offset'kan sebagai salah satu pakej rundingan penstrukturan semula PLUS pada tahun 2011.

Manakala projek membina lorong keempat Lebuhraya PLUS melibatkan seksyen Shah Alam – Rawang, Shah Alam – Jalan Duta dan Nilai (U) – Seremban pula, pada masa kini sedang giat dilaksanakan dengan jarak keseluruhan sepanjang 63km. Projek bernilai 1.443 bilion ringgit itu telah dimulakan pada bulan Julai 2012 itu da sehingga 31 Mac 2015 telah mencapai kemajuan 97%. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan September 2015. Kos pembinaan projek ini ditanggung bersama oleh Kerajaan dan syarikat PLUS Malaysia Berhad.

Sekian, terima kasih.